

MAHATHIR TAK BAHASA DITIMBUL

10 OCT 1991

Oleh
Zaid Zain dan Zulkifli Hamzah

KUALA LUMPUR 3 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu media massa memper-tikaikan lagi soal kedudukan dan penggunaan bahasa kebangsaan di negara ini.

Beliau berkata, isu tersebut tidak perlu dipanjangkan lagi kerana rakyat sendiri telah sedia memahami pendirian kerajaan berhubung kedudukan yang diberikan kepada bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris di negara ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu motif pihak-pihak yang membangkitkan isu mengenai bahasa Melayu kerana rakyat sendiri tidak pernah mempersoalkannya.

Sehubungan dengan itu, Dr. Mahathir menegaskan kedudukan bahasa **Malaysia** sebagai bahasa rasmi dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam dasar kerajaan tidak pernah berubah.

Bertanggungjawab

"Soal bahasa ini sudah tidak lagi menjadi isu, tapi dijadikan isu semula oleh media massa," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Beliau juga tidak mahu para wartawan dan pengarang tidak hanya mementingkan soal keuntungan semata-mata, sebaliknya bersikap lebih bertanggungjawab dengan penyiaran laporan-laporan yang mengambil kira kepentingan negara.

"Kita tidak boleh menyekat media massa untuk membuat laporan, kerana nanti dituduh menindas, di **negara** ini kita mengamalkan kebebasan akhbar tapi mereka (media massa) perlu lebih bertanggungjawab," kata Dr. Mahathir.

Ditanya mengenai kedudukan bahasa Inggeris di dalam iklan-iklan di televisyen, Perdana Menteri berkata, bahasa Inggeris merupakan bahasa komersil, terpuanglah kepada

syarikat pengiklanan untuk menggunakan bahasa itu jika ia dapat menjual barangan mereka.

"Saya tidak fikir ada syarikat yang sengaja membuat iklan dalam bahasa yang orang tidak faham, kerana iklan adalah untuk menarik perhatian, sebab itu mereka (pengiklan) tidak menggunakan bahasa Russia dan Perancis yang tidak difahami oleh rakyat negara ini," katanya.

Sementara itu Naib Presiden UMNO, Dato' Sri Anwar Ibrahim menyifatkan dorongan pihak media massa membangkitkan polemik dalam isu bahasa sebagai satu perbuatan yang kurang sihat.

"Majlis Tertinggi UMNO merasa kurang puas hati dengan kecenderungan media massa menimbulkan kesangsian di kalangan rakyat khususnya orang Melayu berhubung ketegasan kerajaan membina bahasa sendiri," kata Anwar.

Kepentingan

Sehubungan dengan itu beliau mengingntkan sikap negatif dan 'terlalu tertutup' dengan menafikan kepentingan penggunaan bahasa Inggeris, bukan saja mengakibatkan rakyat rugi dan ketinggalan, bahkan juga tidak dapat bersaing dengan orang lain dalam pelbagai bidang.

"Usaha kerajaan mempertingkatkan penggunaan bahasa Malaysia sudah jelas dan tidak dapat dipertikaikan menerusi pelbagai agensinya seperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta Kementerian Pendidikan," katanya.

Anwar juga menjelaskan penggunaan bahasa Inggeris di dalam lapangan ekonomi dan perdagangan antarabangsa tidak akan menjejaskan kedudukan bahasa Malaysia kerana dalam masa yang sama usaha mempertingkatkan mutu bahasa kebangsaan juga ditruskan oleh kerajaan.

Mengenai isu pemimpin-pemimpin kerajaan bertutur dalam bahasa Inggeris di upacara-upacara bertaraf antarabangsa, beliau berkata: "Dasar itu akan diteruskan kerana upacara seperti itu dihadiri oleh rakyat asing, bagaimanapun dalam acara tempatan, bahasa Malaysia akan digunakan."

MAHATHIR
LAGI
ISU